

Adat Perpatih

Falasafah dan Pengalaman

di

Negeri Sembilan

Oleh. M. SHARIF. F. HASSAN

فرمانتوان مجاوره یو فیبرسینی ملا یا

حاجه شرفاقيه: خلسفہ دائن
غلامدین دفکے بیجیان

24.9.۴۴ (البعث)

ADAT PERPATIH : PALSAPAH DAN PENGAMALANNYA DI

NEGERI SEMBILAN
???

DEWAN KULIAH C PADA 24hb. Sept. 88 .

Bismillah ir Rahman ir Rahim.

Assalamualaikum wa rahmatullah wa bakakatuh.

Tajuk ceramah saya yang ditetapkan oleh penganjur hari ini ialah " Adat Perpatih : "Falsafah dan Pengamalannya di N. Sembilan."

Sebelum melangkah lebih jauh elok rasanya disenituh/serba sedikit apakah itu Adat Perpatih . Adat Perpatih itu ialah satu undang-undang atau satu peraturan hidup masyarakat susunan Dato' Perpatih nan Sebatang serta cerdik pandai zaman silam meliputi di dalamnya perkara-perkara yang berhubung dengan kemasyarakatan, pentadbiran, siasah, ekonomi, hukum-hukum dan lainnya.

Seperti dimaklum adat itu mula tumbuhnya di Alam Minangkabau Sumatera Barat kira-kira enam atau tujuh kurun yang lalu.

Menurut Tambunya (Tambo Alam Minangkabau) Dato' Perpatih itu masa kecilnya bernama Sutan Balun. Selepas pengembaraannya kerana berselisih dengan abangnya Dato' Ketemenggongan beliau diberi gelar Dato' Perpatih nan Sebatang memerintah negeri di Bodi Ceniaga daerah-daerah Tanah Datar, Luak Lima puluh Kota dan Paya Kumbuh.

Kerajaannya berdasarkan kepada perundingan dan muafakat serta budi dan akal manusia. Setiap perkara yang dibuat hendaklah dimuafakat dan dimesyuaratkan lebih dulu dengan orang banyak kemudian baharulah ditegakkan adatnya.

Dengan demikian maka terbentuklah sistem sosial yang demokratik. Itulah yang disebut orang "Lareh Bodi Ceniaga", duduk sehamparan. Akan abangnya Date Ketemenggungan diberi memerintah negeri di Kota Piliang, kerajaan Banga Setangkai, berpurat di Sg. Tarab dan membentuk pula sistem masyarakat yang lebih mempunyai ciri aristokrasi (kebangsawanan) dengan kepimpinan "Titik dari Atas", berjinjang naik bertangga turun. Itulah yang dikatakan "Lareh Kota Piliang".

Kedua sistem itu dikenal dengan sebutan "Lareh nan Dua". Tidak lekang dek pameh tidak lapuk dek hujan, Bulat air kerana Pembetung, Bulat Mamusi kerana Mafakat.

"Ke laut menuju alur, ke darat menuju benar, benar ber-diwi dengan sendirinya", Adat bersendi Syarak, Syarak bersendi Kitabullah.

Sebenarnya kedua sistem iaitu Adat Perpatih nan Sebatang dan Adat Ketemenggungan itu bukanlah lain sangat masing-masing tumbuh di alam yang sama. Falsafahnya berkata, "Perpatih dan Temenggung itu ibarat puruh dengan kepak saling bersih member-sih, adatnya sama diisi lembaganya sama dituang." Keduanya ter-ungkap dalam sebuah falsafah :

"Adat beratur terbahagi dua :

Ke laut Adat Temenggung, Kedarat Adat Perpatih,

Ke laut Adat Temenggung :

Siapa menjala siapa terjun,

Siapa bersalah siapa bertimbang,

Siapa berhutang siapa membayar,

Siapa membunuh siapa kena bunuh.

Ke darat Adat Perpatih :

Hutang berdiri dengan saksi, adat berdiri dgn tanda.

Mencincang berlandasan, melompat bersetumpuan.

Rumbun bakar berpuntung suluh.

Curi semua bertetas dinding.

Upas racun bersisa makan.

Terpijak benang hitamx arang hitamlah tapak.

Hutang berturut cagar bergadai,

Cincang pampas bunuh beri balas. "

Demikian perbilangan yang terdapat dalam falsafah adat itu.

ADAT PERPATIH KE NEGERI ~~SEMILAN~~

Seperti dimaklumkan, Adat Perpatih itu masuk ke Negeri Sembilan adalah dibawa bersama oleh perantau Minangkabau yang datang meneroka dari Luak Lima Puluh Kota, Tanah Datar (Laras Bodi Ceniaga) dan daerah-daerah sekitarnya kira-kira dalam Kurun Masehi XV . Sebagai sebuah masyarakat beradat apabila sampai di sini mereka pandai menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan yang terdiri daripada Orang Asli. Yang demikian berakulah persemendaan antar belah pihak. Mereka patuh dengan falsafah adat, " Di mana ^{yang} ~~XXXXXXXXXXXX~~ bumi di pijak disitu langit dijunjung, di mana air dicauk di situ ranting dipatah ". Dalam menyusun masyarakatnya sistem adat Bodi Ceniaga dijadikan dasar disamping itu adat tempatan diserap dan dikembang bersama.

Maka terbentuklah cara hidup bersuku-suku di kalangan masyarakat itu dengan berlandaskan konsep " Adat bersendi Syarak, Syarak bersendi Kitabullah. Syarak mengata Adat mema-ai ". Nama-nama suku yang terdapat sekarang ini adalah dipadankan daripada nama-nama negeri asal mereka di Alam Minangkabau. Iaitu, Batu Hampar, Batu Belang, Paya Kumbuh, Seri Melenggang, Seri Lemah, Tanah Datar, Mungkal, Tiga Minik, Tiga batu, Anak Acih, Anak Melaka dan Biduanda.

Dengan terdirinya suku-suku itu maka terbentuklah satu sistem pemerintahan adat di negeri itu yang terdiri daripada beberapa buah luak dan terungkaplah kata-kata falsafah:

" Alam beraja, luak berpenghulu,
Suku berlembaga, anakbuah berbua pak,
Orang Semenda bertempat Semenda. "

Seterusnya:

" Bilat anakbuah membuat Bapa pak,
Bilat Bapa pak membuat Lembaga,
Bilat Lembaga membuat Undang,
Bilat Undang membuat Keadilan ".

Falsafah itu adalah merupakan lunas dalam pentadbiran masyarakat Adat Perpatih dan masih diamalkan hingga kini.

TAKRIF FALSAFAH ADAT

Menurut pujangga HAMKA dalam bukunya FALSAFAH HIDUP, perkataan falsafah itu pada mulanya terdiri daripada dua kalimah yang dijadikan satu, iaitu " Philus " bermaksud penggemar dan " Sufus " bermaksud ilmu hikmat. Jadi bila disatukan dalam bahasa mudahnya dapatlah ditakrifkan sebagai " Kata-kata hikmat oleh ahli fikir yang boleh dijadikan pegangan hidup ".

Maka falsafah adat ialah kata-kata hikmat yang dipakai sebagai undang-undang atau peraturan hidup dalam sesebuah masyarakat. Kata-kata itu terdiri daripada berbagai bentuk dan ragam bahasa yang disebut peribahasa, bidalan, pepatah, kiasan, perumpamaan, perbilangn dan sebagainya. Kata-kata itu padat dan ringkas serta bijaksana bunyinya. Kadang-kadang disebut " Kata Orang tua-tua " iaitu kata-kata peninggalan nenek moyang dan terpakai hingga sekarang tanpa diketahui siapakah penciptanya.

ADATV PERBATIN DAN FALSAFAHNYA

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebelum saya menyentuh perkara ini dengan lebih lanjut elok rasanya diheraikes sedikit tentang maksud sebuah falsafah adat yang sering-kali dipertikaikan orang iaitu " Biar Mati Anak jangan Mati Adat ". Perkataan " adat " dalam ungkapan ini seperti yang telah diterangkan pada awal-awal tadi maksudnya ialah " undang-undang ". Jadi dalam menjalankan keadilan untuk mencapai keunggulan undang-undang, jika didapati yang bersebelah itu anak atau keluarga sendiri, maka undang-undang hendaklah diutamakan. Tidakkah boleh bak kata orang " kena di mata dipicingkan kena di perut dikempiskan ". Ibarat tebing tegak sebelah atau limau masam sekerat. Maka itu tidak adil namanya.

Sebenarnya perkataan adat itu selain daripada bermaksud " undang-undang " dalam pemakaian sehari-hari kadang-kadang ditakrifkan juga sebagai bererti, kelaziman, kebiasaan atau pun resam iaitu mengikut konteks dan fungsinya dalam ayat itu.

Ada pun perkataan " adat " sebagai " undang-undang atau peraturan " itu dapat ditafsirkan kepada empat bahagian:

Pertama, Adat yang sebenar adat.

Kedua, Adat yang diadatkan,

Ketiga, Adat yang teradat,

Keempat, Adat istiadat.

Diantaranya yang dasar ialah " Adat yang sebenar adat " itulah dia " Adat yang tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan ".

Perkara kedua, ketiga dan keempat itu boleh berubah mengikut kebulatan muafakat " Alah adat tegal muafakat ".

Kata perbilangannya:

" Kok panjang boleh dikerat, kok pendek boleh disambung,
kok sumbing boleh digimpal, Usang-usang dibaharui,
lapuk-lapuk dikajangai.
Yang elok dipakai, yang lapuk dibuang. "

FALSAFAH DAN PENGAMALANNYA

Adat Perpatih telah wujud semenjak beratus-ratus tahun dahulu, namun demikian keutuhannya masih boleh dipertahankan sehingga kini. Ini ialah kerana terdapat di dalam undang-undangnya beberapa falsafah yang bernilai dan konsep yang tahan uji. Antaranya:

GOTONG-ROYONG

Gotong-Royong maknanya tolong-menolong atau bekerja-sama atau koprasi kata kata kita sekarang ini.

Pada zaman silam, zaman mta pencarian masyarakat banyak bergantung kepada pertanian, ketika itu orang sangat memerlukan kepada semangat " gotong-royong ". Dalam bersawah padi umpamanya mereka tidak boleh melaksanakan kerja itu dengan sendirian-. Mereka hendaklah sama-sama turun ke sawah, sama-sama menyangkul, mengubah, menuai hingga sampailah kepada kerja membawa padi naik ke darat. Mereka sentiasa harap mengharap antara satu dengan lain. Falsafahnya berkata " Hidup sander-menyandar ibarat aur dengan tebing. " Tak bolehlah dibuat macam " Anau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing " padahalnya tanaman tidak menjadi, sawah kekeringan air, musuh berkeliaran dan buah padi habis dimakan burung.

Gotong-royong diamalkan bukan setakat itu sahaja bahkan menyeloroh kepada membuat kerja-kerja kebajikan seperti dalam kenduri kendara nikah-kawan, hidup-mati seterusnya dalam kerja-kerja amal yang lain.

Falsafahnya berkata :

" Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni,
berat sama dipikul, ringan sama dijinjing,
ada sama dimakan, tak ada sama dicari,
dapat sama laba, hilang sama rugi. "

Sekarang kita hidup dalam zaman pembangunan, budaya kita sudah berubah, tetapi semangat gotong-royong masih dapat memberi sumbangan. Ketika ini di luar bandar kebanyakan projek-projek kedil kerajaan dilaksanakan melalui kerja gotong-royong. Pemimpin-pemimpin menggalakkan supaya semangat tolong-menolong atau bekerjasama dikubarkan kembali bagi melaksanakan rancangan-rancangan seperti membina jalan, membina jambatan, membuat kolam ikan, koperasi peladang, memajukan tanah berkelompok, program bersepadu seterusnya dalam melaksanakan kerja-kerja lain. Demikian pengamalannya ketika ini.

BERSATU PADU

Selain dari itu terdapat galakan semangat bersatu-padu di kalangan masyarakat itu. Adat Perpatih tidak menggalakkan masyarakatnya hidup berpecah-belah dan sentiasa dalam pertelingkahan.

Falsafahnya berkata:

" Tuah hidup pada seia sekata, celakanya pada silang
sengkita. Seterusnya, bertelingkah antan dengan le
sung ayam jaga yang kenyang. "

Falsafah ini memberi pengajaran dan boleh dijadikan pedoman hidup. Tidak ada apa gunanya dan tidak ada apa untungnya jika sesebuah masyarakat itu hidup dalam perselisihan faham sebaliknya masyarakat itu jugalah yang menanggung kerugian.

Negara kita Malaysia sangat memerlukan semangat perpaduan di kalangan rakyatnya, apa lagilah rakyat negara ini terdiri dari-

pada bangsa yang berbilang kaum. Kemerdekaan negara tidak mungkin tercapai kalau tidak dengan semangat bersatu-padu yang kokoh di kalangan rakyatnya.

Perpaduan adalah asas kebahagiaan masyarakat. Tanpa adanya perpaduan dan persefahaman di dalam sesebuah masyarakat itu nescaya ia akan mengalami keruntuhan. RUKUN NEGARA menggariskan dasarnya antara lain ialah " Mendukung cita-cita mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan masyarakatnya."

Pepatah ada berkata, " Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh." Ini jelas menunjukkan bagaimana perlunya semangat perpaduan itu. Masyarakat lama ada meninggalkan seuntai gurindam, falsafah adat yang berbunyi,

" Seikat bak sirih,
 Serumpun bak serai,
 Serangkap bak lembing,
 Seciap bak ayam,
 Sedencing bak besi,
 Fahamannya hendaklah sesuni,
 Rundingannya tidak selisih,
 Jalannya sedundun,
 Lenggangnya seayun."

Gurindam ini sekali lagi menggambarkan ketuhanan semangat bersatu itu di kalangan masyarakat, fahamannya seja sekata dan rundingannya tidak bercanggah.

Untuk mencapainya, semangat kasih sayang, hormat-menghormati dan saling bantu-membantu hendaklah dipupuk. Manakala segala unsur-unsur yang membawa kepada perpecahan, benci-membenci, pulau-memulau, hasut menghasut hendaklah dihindarkan.

Dengan itu tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa nilai " Bersatu padu " yang terdapat dalam falsafah-falsafah adat seperti

yang terungkap dalam gurindam tadi atau yang lain-lainnya, sebenarnya sudah mendarah daging dan adalah diamalkan oleh masyarakat adat hari ini di Negeri Sembilan.

KEADILAN

Konsep keadilan sangat dituntut oleh Adat Perpatih. "Har Mati Anak jangan Mati Adat" seperti yang telah pada awal-awal tadi sebenarnya itu adalah lambang keadilan, yakni dalam menegakkan keiuhuran dan kebenaran undang-undang seseorang itu hendaklah jujur dan ikhlas memberi keputusan. Walau pun yang bersalah itu anak atau keluarga sendiri keadilan hendaklah diutamakan. Seterusnya sebarang penyelesaian yang dibuat antara pihak-pihak yang bertelingkah hendaklah jaga adil dan seksama, supaya tidak berat sebelah dan dapat diterima oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan puashati.

Falsafahnya berkata :

" Kok mengukur biarlah sama panjang,
 Kok menimbang biarlah sama berat,
 Kok membahagi biarlah sama banyak,
 Tidak boleh dilebihkan untuk faedak peribadi,
 Tidak boleh dikurangkan untuk merugikan yang lain."

Dalam mencari penyelesaian pula falsafahnya berkata :

" Tidak ada keruh yang tidak ada jernihnya,
 Tidak ada kusut yang tidak ada selesainya,
 Kusut benang cari ujung pangkalnya,
 Sesat di ujung jalan balik ke pangkal jalan."

Sesuai dengan zaman pembangunan ini masyarakat bercita-cita supaya setiap individu mendapat peluang yang sama menikmati kekayaan negara. Keadilan hanya akan wujud manakala kekayaan itu dibahagikan dengan seksama. Oleh itu pihak yang lemah, tidak punya kepayaan dan kurang maju mungkin diberi bantuan supaya

mereka dapat setara bertanding dengan pihak-pihak yang lain. Dalam mencapai keadilan juga hendaknya masyarakat biarlah bebas daripada penindasan suatu golongan terhadap golongan yang lain.

Yang demikian kesaksamaan dan kebijaksanaan hendaklah dijadikan landasan dalam memberi keadilan. Jika tidak nanti dikatakan tidak jujur "limau masan sekerat atau tebing tegak sebelah".

Disamping itu ada satu falsafah adat yang boleh dijadikan panduan dalam membuat sesuatu penyelesaian:

" Ibarat memalu ular di dalam benih,
Benih tidak rosak, tanah tidak lembang,
Memalu tidak patah, namun ular mati jua.
Buatlah ibarat menghele rambut dalam tepung,
Rambut tak putus, tepung tidak berserak."

Falsafah itu walau pun sederhana bunyinya tetapi boleh dijadikan pertunjuk dalam menimbulkan keharmonian hidup bermasyarakat.

Ada orang memberi pandangan bahawa Adat Perpatih itu menyekat masyarakatnya daripada mencapai kemajuan hidup dizaman moden ini. Sebenarnya tidak ada konsep yang demikian, bahkan adat menggalakkan supaya masyarakatnya berlumba-lumba mencapai kemajuan walaupun dalam apa jua. Adat sentiasa memberi dorongan yang positif kepada anggotanya supaya menjadi orang berilmu dan cerdik pandai.

Falsafahnya berkata:

" Yang cerdik tempat bertanya,
Yang pandai tempat berguru,
Pentadbir kalau alang bijak binasa negeri."

Mereka sedar akibat yang akan dihadapi kalau tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Tambahan pula dalam zaman kemajuan ini kekuatan tenaga fizikal sahaja belum tentu boleh memberi jaminan hidup.

Masyarakat Adat di Negeri Sembilan menyadari itu dan jua menyadari setiap yang hidup dimuka bumi ini pasti akan menerima perubahan, tidak ada yang kekal selama-lamanya bagaimana awal begitu akhir. Yang demikian falsafahnya berkata:

" Sekali air bah sekali pasir berubah,
 Sekali tahun beredar sekali musim bertukar,
 Lama hidup banyak dirasa,
 Jauh perjalanan banyak dilihat."

Jadi dakwaan Adat Perpatih menyekat kemajuan itu adalah tidak benar. Ini adalah satu pandangan negatif suka merendah-rendah tidak mahu menghargai sesuatu yang bernilai di dalam peradapan hidup sendiri.

SOPAN-SANTUN, BUDI-BAHASA DAN HORMAT-MENGHORMATI.

Ada sebuah falsafah yang pendek dan ringkas bunyinya, tetapi mengandungi makna yang luas, iaitu " Hidup dikandung adat mati dikandung tanah " yang mana maksudnya hidup kita ini hendaklah sentiasa dikawal oleh beberapa peraturan dan undang-undang. Kita hendaklah mempunyai tata-susila yang baik dan ikhlak yang tinggi. Kita tahu bersopan santun, kita tahu berbudi bahasa dan kita tahu hormat-menghormati. Orang yang elok tata-tertibnya itu dikatakan juga elok budi bahasanya. Seseorang itu berasa sangat malu jika dikata tidak bersopan santun.

Falsafah dalam pergaulan hidup sehari-hari ada berkata, " Yang tua dimuliakan, sama sebaya dihormati, yang muda dikasihi ". Falsafah ini jika diamalkan kita mudah menyesuaikan diri dengan orang lain walau di mana kita berada. Malangnya pada waktu akhir-akhir ini, setengah orang tidak mengambil iktidar lagi akan nilai-nilai hidup tersebut. Hormat-menghormati, bersopan santun dan berbudi bahasa itu dikatakan cara hidup orang lama yang sangat mengongkang.

Akibatnya, hampir setiap hari berita-berita buruk^{yang} dan memalukan dan mengaibkan (skandal) seperti peristiwa murid tidak menghormati guru, guru curang terhadap murid, anak-anak derhakaan ibi-bapa, ibu-bapa tidak bertanggungjawab kepada anak-anak dan lain-lain lagi tersiar di surat-surat khabar dan di majalah-majalah.

Dalam RUKUNEGARA terdapat prinsip " Kesopanan dan Kesusilaan " yang mana menyarankan supaya masyarakat mempunyai tata-tertib yang baik, bersopan santun serta berdisiplin. Ini sangat penting dalam hidup. Tata-susila kita mengutuk orang yang bertingkah-laku sombong dan angkuh yang boleh menyinggung perasaan orang lain.

Kelakuan liar dan tidak berperikemanusiaan yang berlaku dikalangan masyarakat sekarang ini hendak dicegah supaya tidak merosakkan keharmonian dalam pergaulan hidup.

Masyarakat juga hendaklah dilatih dan dididik supaya mempunyai budi bahasa yang baik, berakal fikiran mulia serta tahu bertimbang-rasa agar-agar dapat meletakkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya.

Ciri-ciri positif yang tersebut di atas yang mana terkandung dalam makna falsafah adat itu hendaklah ditimbul dan ditonjolkan kembali dan jadikanlah hiasan hidup. Kembalilah kepada cara hidup kita sendiri dan janganlah nilai-nilai disiplin, moral dan kerohanian yang ada pada masyarakat^{kita} itu menjadi korban kerana mengejar kemajuan kebendaan.

Serangkap pantun lama berbunyi :

" Yang kurik ialah kundi,
yang merah ialah saga,
yang baik ialah budi,
yang indah ialah bahasa.

MASYARAKAT YANG DEMOKRATIK

Demokrasi terdiri daripada dua patah perkataan (Demos - Rakyat, Kratos - Pemerintahan). Dalam negara demokrasi rakyat yang berdaulat. Dalam adat Perpatih konsep itu bukanlah asing dan itulah yang diamalkan oleh masyarakatnya. Lihat sahaja apa kata falsafahnya apabila melantik ketua-ketua adat:

" Bulat anakbuah membuat buapak,
 Bulat buapak membuat lembaga,
 Bulat lembaga membuat undang,
 Bulat undang menjadikan raja (keadilan) "

Seterusnya lagi:

" Berjanjang naik bertangga turun,
 Naik dari bawah turun dari atas,
 Alam beraja, larak berpenghulu,
 Lembaga bersuku, suku bertua,
 Buapak beranak-buah. "

Masyarakat Adat Perpatih kuat berpegang kepada nilai muafakat atau mesyuarat. Pada dasarnya setiap keputusan yang dibuat itu berasal dari bawah mengikut fikiran orang banyak. Nilai demokrasi mengizinkan kebebasan bercakap, mesyuaratkan pendapat serta menghormati pandangan dari pihak lain. Itulah yang dikatakan " Duduk sehamparan, tegak sepematangan "

Masyarakat N.Sembilan sekarang juga mendukung budaya demokratik dimana penglaksanaannya melalui saluran-saluran tertentu serta mengikut undang-undang dan perlembagaan. Jika tidak kesetiaan negara akan terganggu dan ketenteraman masyarakat turut tidak mantap.

Kebebasan yang terdapat dalam sistem demokrasi sama ada dulu atau sekarang hendaknya janganlah disalahgunakan sehingga masyarakat jadi berpecah-belah dan berpuk-puk. Segala apa

Segala apa yang hendak dibuat dan berkait dengan orang-rasai maka hendaklah dimuafatkan dan dimasyuaratkan lebih dulu. Keputusan yang dibuat tanpa mengikut saluran itu dianggap tidak sah.

Demokrasi menghargai kebebasan mengeluarkan fikiran. Seseorang itu merasa dirinya tidak berharga kalau tidak boleh mengemukakan pendapat. Perbezaan pandangan dalam sesuatu perbincangan bukanlah satu perkara luar biasa, kerana berbincang juga dikatakan bertukar-tukar fikiran demi untuk mencari kebenaran. Tetapi apabila sudah dapat apayang sebenarnya maka kita hendaklah patuh mengikut alur dan patut seperti kata falsafahnya:

" Kelaut menuju alur,
Ke darat menuju benar,
Jumpa benar jangan disiahan,
Benar berdiri dengan sendiri."

Daripada perbincangan dan pandangan-pandangan yang dikemukakan tadi jelaslah menunjukkan bahawa nilai demokrasi dalam masyarakat adat itu adalah juga cita-cita masyarakat sekarang ini, cuma perapannya sahajalah yang tidak sama kerana itu banyak bergantung kepada keadaan semasa.

KETUHANAN

Membincangkan soal falsafah Adat Perpatih satu perkara pokok dan tidak boleh dilupakan ^{"KETUHANAN"} ~~IKESMHA~~ ^{"KETUHANAN"} iaitu beriman kepada Agama Allah, Islam yang menjadi Agama Rasmi negara ini.

Islam mendukung cita-cita mencapai kemajuan dan perpaduan ummat. Islam itu agama persaudaraan, membimbing manusia menuju kepada kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Islam tidak menggalakkan ummatnya hidup berpecah-belah dan bersengkita antara satu dengan lain. Kerana, semuanya itu akan membawa kepada keruntuhan masyarakat itu sendiri. Yang demikian masyarakat hendaklah menghayati hidup ini dengan kepercayaan kepada agama Allah yang maha suci itu.

Adapun konsepnya Adat Perpatih dan Syarak itu " Seiring sejalan dan seayun selenggara ". Dikatakan juag hukum adat itu,

" Ibarat cermin cermin yang tidak kabur, pelita yang tidak padam. Dan huku Syarak itu ibarat suluh yang terang benderang. "

Jadi mana-mana hukum adat yang baik dan memberi faedah kepada masyarakat serta bersesuaian tidak menyalahi hukum Syarak maka dikekalkan pemakaiannya.

Falsafahnya berkata:

" Kuat adat tak gaduh Syarak,
Kuat Syarak tak gaduh Adat,
Adat menghilangkan yang buruk menimbulkan yang baik,
Syarak menyuruh berbuat baik meninggalkan berbuat jahat "

Pendeknya dalam budaya masyarakat Adat Perpatih itu, di mana ada aturan adat maka di situ adalah hukum Syarak, demikian sebaliknya.

Oleh itu kita disamping konsep Syarak juga tidak akan melupai nilai-nilai adat yang boleh memberi manfaat. Sebenarnya, seperti yang telah dikatakan tadi, konsep Adat dan Syarak itu adalah selari.

Falsafahnya berkata,

"Adat bersendi Syarak, Syarak bersendi Kitabullah".

Jika dalam Enran al Karim terdapat maksud ayat (Al Imran ayat 190) menyuruh hambanya yang berakal mempelajari kejadian-kejadian alam, bumi, langit, siang dan malam maka kaedah pengam-bilan falsafah adat yang terkumpul dalam peribahasa, bidalan, pepatah, kiasan, perumpamaan, perbilangan juga bersumberkan alam seperti kata pantunnya:

"Penakik pisau seraut,
Ambil galah batang lintabang,
Selodang dibuat nyiru,
Yang setitik jadikan laut,
Yang sekepal jadikan gunung,
Alam terkembang jadikan guru".

PENGUJIAN

Pendeknya diringkaskan sahaja, bahawa konsep dan nilai yg terdapat dalam falsafah adat itu adalah sesuai diamalkan dalam zaman moden ini, sekali pun masyarakat sekarang ini dikatakan agresif dan dinamis, berlumba-lumba mencapai kemajuan dan berusaha membuat perubahan-perubahan yang berlandaskan sains dan teknologi.

// Dalam pada itu ada juga terdapat mereka yang memberi pandangan yang kurang sihat terhadap/itu dengan mengatakan adat itu penghalang kemajuan, adat itu sudah papuk, ketinggalan zaman dan sebagainya. Gejala-gejala ini timbul ialah kerana kurang memahami akan adat itu dan sengaja hendak memburuk-burukkannya.

Saya pernah ditanya orang, "Apakah adat itu tidak bertentangan dengan Islam?" Saya jawabkan tidak. Bahkan dengan masuknya ajaran Islam ke dalam masyarakat adat maka Islam itu menyempurnakan lagi hukum adat itu. Sebagai contoh lihat sahaja dalam upacara nikah-kawin dan dalam upacara pengkebumian jenazah.

(huraian)

Selanjutnya saya ditanya lagi, "Dapatkah adat itu bertentangan dengan nederhane?" /Saya jawabkan, "Kehendak Allah tiada siapa yang tahu. Tetapi selagi "Hukum Syarak Adat bergendi Syarak tetap ada dan selama hukum Syarak dianut oleh umatnya maka kata-kata "Tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas pada adat Perpatih itu akan terus dipakailah.

Akhirnya dapatlah dikatakan falsafah ADAT PERPATIH masih diamalkan oleh masyarakat di N. Sembilan. Dalam cara hidup sehari-hari ia seiring jalan dengan hukum syarak dan undang-undang kerajaan yang memerintah. Itulah yang dikatakan "Tungku Tiga Sejerangan atau Tali tiga sepilin".

Sekian, disudahi dengan maaf jua jika ada yang tersentuh dan tersinggung.

وَبِاللهِ قَوْلُ حَقٍّ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ